

# UPM sedia membantu

## ■ Tawar kepakaran kaji kandungan produk ada DNA babi

Oleh Nur Lela Zulkipli  
nurlela@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) bersedia menawarkan kepakaran dalam kajian makanannya bagi menyelidik isi kandungan makanan yang dipercayai mengandungi DNA babi.

Ini selaras dengan rasa tanggungjawab universiti itu sebagai satu-satunya institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini yang mempunyai institut halal bagi menjalankan kajian ke atas isi kandungan makanan.

Kepakaran dan alatan lengkap yang dimiliki oleh UPM juga mampu mengenal pasti mengenai isi kandungan makanan sama ada terdapat DNA babi atau sebaliknya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, pihaknya memandang serius mengenai isu status halal membabitkan makanan berikutan rakyat Malaysia yang terdiri daripada majoriti umat Islam selain mempunyai kerjasama strategik dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak tujuh tahun lalu.

"Kami sentiasa bersedia sekiranya terdapat permintaan daripada pihak kementerian ma-

hupun badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengenal pasti isi kandungan makanan yang diragui status halal.

"Bagaimanapun, mereka perlu mengemukakan maklumat lengkap mengenai makanan yang diragui bagi tujuan proses penyelidikan berjalan dengan lancar," katanya kepada Harian Metro selepas perasmian Karnival Kerjaya UPM, di sini, semalam.

Dr Shatar berkata pihaknya bukan saja bertanggungjawab menekankan kepentingan akademik bagi pelajarnya, malah sentiasa peka dengan isu semasa yang memerlukan khidmat IPT itu.

"Umat Islam tidak boleh mengambil sesuatu makanan yang diragui status halal, justeru, penyelidikan perlu dijalankan.

"Setakat ini, UPM bukan saja bekerjasama dengan Jakim untuk menjalankan penyelidikan ke atas makanan, malah mendapat perhatian dari negara luar bagi memeriksa isi kandungan makanan supaya bebas dari DNA babi," katanya.

Sabtu lalu, negara dikejutkan dengan pengumuman dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai dua coklat keluaran Cadbury mengandungi DNA babi.

### FAKTA

Kepakaran dan alatan lengkap UPM mampu mengenal pasti isi kandungan makanan